

▼05/06/18-15MST

CNS2673

R GB 05-06, 00143 BH423

aab

Mahathir - Bot

MALAYSIA BERSEDIJA CEBURI INDUSTRI PEMBINAAN BOT

SHAH ALAM, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia kini telah bersedia menceburi industri pembinaan bot setelah mempunyai teknologi dan tenaga serta kepakaran yang mencukupi.

Perdana Menteri berkata ini disokong dengan peningkatan pendapatan rakyat yang menjadikan mereka mampu membeli bot.

"Ini bermakna kita sudah boleh membuat dan menjual bot," katanya kepada pemberita selepas melawat pertunjukan Bot Antarabangsa Malaysia 1994 di Taman Tasik, di sini.

Beliau berkata pengusaha Malaysia mampu menceburi industri berkenaan sekalipun tanpa sebarang insentif dari kerajaan.

"Sudah sampai masanya industri bot di Malaysia boleh maju," katanya.

Dr Mahathir berkata pertunjukan Bot Antarabangsa Malaysia boleh diadakan beberapa kali setahun di tempat-tempat yang sesuai bagi menampung minat rakyat di seluruh negara. -- Laqi.

▼05/06/19-23MST

R GB 05-06 00187 BH424

aab

Mahathir - Bot 2 (Akhir) Shah Alam

Katanya, mungkin ia boleh diadakan mengikut jenisnya, seperti untuk kapal layar besar diadakan di tempat lain.

Perdana Menteri berkata pertunjukan Bot Antarabangsa Malaysia di sini mendapat sambutan baik kerana setiap tahun semakin ramai yang menvertai pameran dan membeli bot.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira tiga jam melawat gerai-gerai pameran pada pertunjukan itu yang disertai kira-kira 50 buah syarikat dalam dan luar negara di samping gerai peralatan dan hobi kelautan.

Beliau juga melawat gerai Radix Technology Sdn Bhd yang mempamerkan alat telekomunikasi satelit, dan Perdana Menteri sempat bercakap melalui telefon satelit dengan Persurujaya Tinggi Malaysia di London.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri juga melepaskan peserta pertandingan akhir jet ski di tasik itu sebelum melawat pameran lukisan masyarakat nelayan dan kemudiannya menaiki bot mewah "Ambassador Gulf Craft" berharga RM153,000.

Beliau diiringi Pengurus syarikat penjanjur, Protamp Services Sdn Bhd Tan Sri Abdul Wahab Nawi dan Pengurus Besar Mara Shipyard Engineering Terengganu, Haji Kamarul Bahrin Abdul Hamid, yang akan menjadi pengeluar bot nasional Malaysia. -- Bernama

MNY SJA AZ.

▼05/06/19-40MST